

05 OCT 1999

Calon-Gugur

ABANG ABU BAKAR DIGUGUR SEBAGAI CALON PILIHAN RAYA

KUCHING, 5 Okt (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Abang Abu Bakar Mustapha digugurkan oleh Parti Pesaka Bumiputra Bersatu (PBB) dari senarai parti itu untuk bertanding semula pada pilihan raya Parlimen akan datang.

Menurut sumber dalaman parti itu, nama Abang Abu Bakar yang mewakili kawasan Parlimen Kuala Rajang telah dipersetujui untuk digugurkan oleh Majlis Kerja Tertinggi parti itu pada mesyuaratnya semalam, bersama-sama beberapa nama lain.

Nama lain yang dikatakan digugurkan kerana masing-masing tidak mahu dicalonkan semula ialah anggota Parlimen Bukit Mas Michael Lisa Kaya dan anggota Parlimen Kapit James Jimbun Pungga.

Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud memberitahu pemberita selepas mesyuarat itu semalam beberapa nama akan digugurkan dan beberapa nama baru calon yang lebih muda akan dikemukakan.

"Ini ialah proses biasa dalam parti dan pengguguran ini adalah untuk menguatkan jentera parti dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat," katanya.

Pengguguran Abang Abu Bakar sebagai calon memang dijangka berikutan kekalahan beliau mempertahankan jawatan Timbalan Presiden PBB pada pemilihan parti itu tahun lepas.

Beliau ditewaskan oleh Menteri Pembangunan Industri negeri Datuk Abang Johari Tun Openg.

Hanya minggu lepas, Pergerakan Pemuda PBB Bahagian Matu-Daro yang terletak dalam kawasan Parlimen Kuala Rajang meluluskan usul menggesa parti itu menggugurkan Menteri Pertahanan itu sebagai calon pada pilihan raya akan datang.

Menurut Ketua Pemuda Ahmad Dikoh, usul itu diluluskan dengan alasan Abang Abu Bakar tidak memberikan perkhidmatan yang berkesan selama empat penggal sebagai anggota Parlimen kawasan itu.

Abdul Taib berkata senarai calon parti itu sudah disiapkan dan terpulanglah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir untuk memutuskan senarai akhir calon.

Sumber dalaman parti itu memberitahu Bernama beberapa nama lain dijangka akan turut digugurkan atau meminta supaya tidak dicalonkan semula, selain tiga orang tersebut yang sudah menjadi rahsia terbuka pemerhati politik di negeri ini.

Bualan politik di negeri ini hebat mengatakan Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud, anggota Parlimen Petra Jaya dan Rohani Karim anggota Parlimen Santubong juga kemungkinan tidak akan dicalonkan semula.

"Pengguguran Dr Sulaiman adalah berdasarkan beliau adalah antara wakil rakyat yang sudah lama berkhidmat dan kawasan yang diwakilinya meliputi kawasan bandar yang memerlukan tenaga lebih muda," kata sumber itu.

Seorang lagi orang dalaman PBB berkata pengguguran calon-calon lama tidak akan menjejaskan peluang PBB dan Barisan Nasional Sarawak untuk memenangi kerusi pada pilihan raya akan datang.

"PBB adalah parti yang stabil, tidak banyak isu dan masalah dan pengundi dijangka dapat menerima pertukaran itu," katanya.

-BERNAMA

MT AU RI